

Renjer tentera Thai diserang hendap

BERITA HARIAN 13/9/18 M/S 70

Bangkok: Dua anggota renjer tentera Thailand mati ditembak dan empat lagi cedera selepas mereka diserang hendap pada waktu malam, dipercayai oleh militan, kata pegawai, di sini semalam.

Wilayah terletak dekat sempadan dengan Malaysia menyaksikan pemberontakan 'tahap rendah' tetapi turut menyebabkan pertumpahan darah sejak lebih satu dekad lalu.

Ia menyaksikan etnik Melayu yang bergiat sebagai militan di rantau itu berdepan dengan pihak berkuasa Buddha untuk menda-

patkan autonomi lebih besar.

Ketika melakukan rondaan di daerah Nongchik dengan motorsikal, renjer terbabit ditembak lewat malam semalam di Pattani, salah satu daripada wilayah paling teruk dilanda konflik yang membunuh lebih 7,000 orang.

"Dua renjer maut di tempat kejadian serangan dan empat lagi cedera," kata Timbalan Ketua Polis Penyasat, Kapten Sarawut Nuchwang.

Bagaimanapun, berapa ramai penyerang dan identiti mereka belum diketahui.

"Kami mengesyaki ia dilakukan kumpulan tempatan yang aktif di daerah itu. Mereka mahu cetus keadaan yang membawa kepada kekacauan," kata jurucakap tentera rantau selatan, Kolonel Pramote Prom-in.

Tiga wilayah selatan Thailand telah ditadbir hampir satu abad lalu.

Bagaimanapun, penduduknya yang majoriti adalah Melayu dan beragama Islam menolak pemerintahan Bangkok dan mendesak diberi lebih banyak autonomi atau dimerdekakan.

Mereka menuduh pihak berkuasa menyekat kebebasan mereka selain melakukan penderaan tertentu yang tidak menyebabkan sesiapaapun dihukum.

Tembak, guna bom

Pusingan terbaru pemberontakan berlaku pada 2004, sama ada penyerang melepaskan tembakan atau melakukan serangan bom menyebabkan orang awam sama ada Muslim atau Buddha turut menjadi mangsa.

Pemberontak yang tidak meminta sebarang publisiti untuk mereka,

bergerak dalam kumpulan kecil di kawasan hutan terpencil.

Kumpulan militan utama iaitu Barisan Revolusi Nasional pula keberatan untuk menyertai proses damai dan mengakuinya secara terbuka.

Sejak Thailand menerusi junta merampas kuasa pada 2014, serangan besar-besaran semakin berkeruan kerana kawalan keselamatan, tangkapan dan perisikan yang dilakukan.

Tahun lalu, seramai 235 orang maut dalam pertempuran antara pemberontak dan tentera. **AFP**